Ahli Kumpulan UEM

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA **2 NOVEMBER 2026**
(8.10pm)

BANJIR KILAT: PENUTUPAN SEMENTARA LALUAN DI KEDUA-DUA ARAH LEBUHRAYA BARU LEMBAH KLANG (NKVE) DI ANTARA SHAH ALAM DAN SETIA ALAM (KM9.1 – KM9.4) UNTUK SEMUA KENDERAAN

Petaling Jaya, 2 November 2026:- PLUS Malaysia Berhad mengesahkan bahawa kedua-dua laluan di antara Setia Alam – Shah Alam (KM9.1 – KM9.4) Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) ketika ini tidak boleh dilalui dan ditutup sementara untuk semua kenderaan berikutan banjir kilat yang dilaporkan pada jam 6.20 petang hari ini, akibat hujan lebat di kawasan tersebut.

Sebagai langkah keselamatan segera, kenderaan dari arah Subang menghala ke selatan dilencongkan keluar dari NKVE melalui Lebuhraya ELITE. Sementara itu, kenderaan dari arah Bukit Raja yang menghala ke utara pula dilencongkan keluar dari NKVE di Persimpangan Bertingkat Setia Alam.

Pengguna lebuh raya dinasihatkan untuk merujuk saluran komunikasi rasmi PLUS, iaitu X @PLUSTrafik, Aplikasi PLUS, Papan Tanda Mesej Elektronik (VMS), pembantu maya PLUS, PUTRI serta platform media sosial rasmi PLUS untuk maklumat terkini berkenaan cuaca dan keadaan banjir serta laluan alternatif.

Panduan Keselamatan kepada Pengguna Lebuh Raya:

1. Jangan Cuba Meredah Banjir: Air banjir yang kelihatan cetek sekalipun boleh menyebabkan enjin kenderaan mati atau mengakibatkan kenderaan dihanyutkan arus.

2. Patuhi Arahan di Lokasi: Sila patuhi semua papan tanda sementara serta arahan yang diberikan oleh petugas kami di lokasi.

Bagi mendapatkan bantuan segera, pengguna lebuh raya boleh menghubungi **PLUSLine di talian 1-800-88-0000**, menggunakan butang SOS menerusi Aplikasi PLUS atau berinteraksi dengan pembantu maya PLUS, **PUTRI**.

-END-

PERTANYAAN MEDIA:

Shahriza Embi Komunikasi Strategik PLUS Malaysia Berhad Mobile: 013-333-4690 Email: shahriza.embi@plus.com.my	**Rofina Adam** Perhubungan Media, Komunikasi Strategik PLUS Malaysia Berhad Mobile: 012-657 4452 Email: rofina@plus.com.my